

## PELAKSANAAN KAEDEAH NEURO NADI DALAM SISTEM PENGAJIAN AL-QUR'AN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Nurhamizah Binti Jasni  
*Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam,*  
*Universiti Islam Sultan Sharif Ali,*  
18mr407@siswa.unissa.edu.bn

Mariam Binti Abdul Rahman  
*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,*  
*Universiti Islam Sultan Sharif Ali*  
mariam.rahaman@unissa.edu.bn

### ABSTRAK

Kaedah Neuro Nadi ataupun Al-Baghdadi diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2016 oleh Pusat Pengajian Nadi Quranic atau dikenali sebagai *Nadi Quranic Learning Centre*. Kaedah Neuro Nadi ini merupakan satu kaedah yang masih baharu dan belum terdapat kajian ilmiah yang dilakukan secara terperinci terhadap kaedah ini khususnya di Negara Brunei Darussalam. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti Kaedah Neuro Nadi dan mendedahkan kepada masyarakat tentang pelaksanaannya di Negara Brunei Darussalam serta keberkesanannya dalam sistem pengajian al-Qur'an. Metodologi kajian adalah berdasarkan analisis dokumen dan pemerhatian di ibu pejabat pusat ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat 4 aspek kelebihan kaedah ini yang sekali gus memberikan faktor keberkesan dalam mempelajari asas al-Qur'an. Satu peranan penting dalam kaedah ini ialah penggunaan alat ketuk. Alat ini digunakan bagi membentuk tempo bacaan serta membentuk disiplin bacaan yang tinggi bagi mewujudkan pola bacaan al-Qur'an mengikut intonasi yang tersusun. Kesimpulannya, kaedah Neuro Nadi ini berkesan serta dapat diaplikasikan kepada semua lapisan masyarakat.

**Kata kunci:** Kaedah, Neuro Nadi, Al-Qur'an, Bacaan, Pengajian.

### PENGENALAN

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang mempraktikkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB). Sebagaimana Islam dijadikan sebagai sebuah pegangan negara, sudah tentu al-Qur'an adalah sumber utama ketamadunan Islam. Al-Qur'an adalah kalam Allah yang diturunkan kepada nabi junjungan kita Muhammad S.A.W yang mengandungi mukjizat agung daripada Allah.

Pengetahuan asas al-Qur'an adalah penting untuk menuju ke arah kebolehbacaan al-Qur'an yang elok dan sempurna. Kaedah pertama dalam mengajar al-Qur'an kepada masyarakat awal Islam di tanah Melayu adalah dengan menggunakan pendekatan *talaqqi mushafahah*, sehingga kaedah tersebut berkembang mengikut keperluan dan kesesuaian kaedah pengajaran semasa.

*Talaqqi Mushafahah* bermaksud guru membaca dan bacaan itu dijadikan contoh untuk diikuti oleh pelajar secara perseorangan berdepan dengan guru. Pelajar juga mendengar dan

memerhati gerakan mulut dan bibir, kemudian membaca seperti yang mereka dengar dan lihat. Pembetulan dibuat menyentuh tentang hukum tajwid serta sebutan huruf mengikut makhraj. Terdapat pelbagai kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an antaranya kaedah Iqra', kaedah Baghdadiyah, kaedah Hattawiyah, kaedah Haraki, kaedah Al-Matién, kaedah Qiraati dan juga kaedah Al-Baghdadi ataupun Neuro Nadi.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, antara kaedah yang digunakan dalam pengajian al-Qur'an ialah Kaedah Baghdadiyah, Kaedah Qiraati, Kaedah Iqra' dan juga Kaedah Neuro Nadi. Kaedah Baghdadiyah merupakan kaedah yang paling lama dan meluas digunakan di seluruh dunia. Ia dipercayai berasal dari Baghdad, ibu kota Iraq. Kaedah Baghdadiyah menggunakan sebuah buku yang dinamakan Muqaddam yang menjadi bahan utama pengajaran asas tilawah al-Qur'an. Kaedah ini menekankan kepada pengenalan huruf hijaiyyah, baris dan ejaan.

Kaedah Qiraati yang bermaksud "Bacaanku" mula diperkenalkan pada tahun 1963 di Semarang, Indonesia oleh seorang guru al-Qur'an yang bernama Bapak Haji Dachlan Salim Zarkasyi. Pada mulanya terdiri dari 10 jilid buku untuk kanak-kanak berusia enam tahun ke atas. Kemudian dikemaskinikan menjadi 8 jilid, 6 jilid dan akhirnya 5 jilid. Kaedah ini bermula dengan memperkenalkan huruf hijaiyyah hingga ke buku jilid 5 untuk pelajaran yang lebih susah seperti bacaan huruf qalqalah dan sebagainya. Apabila selesai 5 buah buku tersebut pelajar akan dilatih membaca juz 'amma dan seterusnya al-Qur'an mushaf Rasm Uthmani.

Kaedah Iqra' atau cara cepat belajar al-Qur'an Rasm Uthmani juga berasal dari Indonesia. Ia mula diperkenalkan pada tahun 1984 di sebuah Taman Kanak-Kanak Al-Qur'an di Kota Gedo, Jogjakarta. Pengasas kaedah ini ialah Haji As'ad Humam yang telah menyusun 6 jilid buku Iqra'. Buku-buku Iqra' sepertimana juga buku Qiraati disusun untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an dari peringkat pengenalan huruf hijaiyyah hingga menguasai tilawah al-Qur'an dengan baik dan mengikut hukum tajwid. Kaedah ini mengutamakan bimbingan dan latih tubi.

Kaedah Neuro Nadi ataupun dikenali sebagai Kaedah Al-Baghdadi mula diperkenalkan pada tahun 2009 oleh Ustaz Jalaluddin bin Haji Hassanuddin. Ustaz Jalaluddin telah dilahirkan pada 15 Januari 1970 di Kampung Berhala Gantang, Pahang. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Arab dan Pengajian al-Qur'an dari Saddam University for Islamic Studies, Baghdad, Iraq pada tahun 1998. Beliau yang telah melibatkan diri lebih 10 tahun dalam pendidikan al-Qur'an mengambil inisiatif untuk melakukan transformasi dalam proses pembelajaran dan pengajaran al-Qur'an supaya pengajaran al-Qur'an lebih mudah, menarik dan berkesan serta dapat dikuasai dalam masa yang singkat.

Di Negara Brunei Darussalam, pusat pengajaran al-Qur'an yang menggunakan kaedah Neuro Nadi dikenali sebagai Pusat Pengajaran Nadi Quranic. Kaedah Neuro Nadi di Negara Brunei Darussalam merupakan satu kaedah yang masih baharu dan belum terdapat kajian ilmiah yang dilakukan secara terperinci terhadap kaedah ini khususnya di Negara Brunei Darussalam. Artikel ini bertujuan untuk mendedahkan kepada orang ramai tentang pelaksanaannya di Negara Brunei Darussalam dan juga keberkesanannya dalam sistem pengajaran al-Qur'an.

## METODOLOGI

Bagi mendapatkan maklumat dan bahan berkaitan artikel ini, pengkaji membuat rujukan di beberapa buah perpustakaan tempatan termasuklah Perpustakaan Mufti Kerajaan, Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan juga Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam. Maklumat yang dikumpul adalah mengenai sejarah pengajian al-Qur'an dan juga kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an.

Untuk mengukuhkan hasil dapatan kajian artikel ini, pengkaji menggunakan teknik pemerhatian sebagai instrumen kajian. Tujuan pemerhatian dilakukan ialah bagi membuat kesimpulan melalui pendekatan induktif. Pengkaji membuat pemerhatian dan pencerapan di Pusat Pengajian Nadi Quranic cawangan Beribi Jangsak sekaligus mendapatkan kajian dokumen daripada bahan-bahan yang bertulis ataupun bercetak daripada buku dan gambar.

Dapatan kajian dijangka akan mengenal pasti pelaksanaan Kaedah Neuro Nadi di Negara Brunei Darussalam dan juga keberkesanannya. Disamping itu pengkaji juga ingin mendedahkan pemberigaan pengajian al-Qur'an kepada masyarakat di negara ini agar ianya dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dan dibawa ke generasi akan datang.

## PENGAJIAN AL-QUR'AN

Bermula dan berkembangnya Islam di Brunei Darussalam adalah pada zaman Sultan Muhammad Pertama 1405-1415 tahun masihi. Panduan guru-guru dalam mengajarkan al-Qur'an pada masa itu ialah Kitab Muqaddam Baghdadiyah dengan tidak mempunyai sukat-sukatan yang tertentu. Menyedari betapa pentingnya mempelajari al-Qur'an dan pelajaran ugama lainnya, maka pihak kerajaan mulai menyalurkan pelajaran-pelajaran tersebut secara bersistem melalui sistem persekolahan. Pada tahun 1930, pelajaran al-Qur'an mula dilaksanakan oleh pihak kerajaan di sekolah-sekolah tertentu sahaja dengan masa yang terhad. Pada tahun 1949, pelajaran al-Qur'an diajarkan di sekolah-sekolah besar yang berada di dalam Bandar.

Pada tahun 1956, pelajaran al-Qur'an mula diajarkan di sekolah-sekolah melayu sebelah petang yang ditadbir oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Sejak masuk dan berkembangnya Islam di Brunei, sistem ejaan Baghdadiyah dalam pengajian al-Qur'an bukanlah sesuatu yang asing. Yang menjadi permasalahan dalam menerapkan sistem ejaan Baghdadiyah ialah, adanya sebahagian guru-guru al-Qur'an yang berbeza dalam mempraktikkan sistem ejaan tersebut. Seperti mengeja pada kalimah: "مَنْ زَبَّهُ". Ada yang mengeja mim nun ra mati di bawah (مَنْ), mim nun ra sabdu mati di bawah (مَنْ) dan ada yang mengeja mim nun mati di bawah (مَنْ).

Dengan terjadinya perbezaan-perbezaan tersebut, timbulah inisiatif untuk menyempurnakan sistem ejaan Baghdadiyah kepada satu sistem ejaan yang baku. Dari hasil penyempurnaan-penyempurnaan tersebut lahirlah satu sistem ejaan yang diberi nama Sistem Ejaan Yahyawiyah. Sistem ejaan Baghdadiyah dan Yahyawiyah tidak jauh perbezaannya. Kaedah Yahyawiyah ini adalah hasil dari penyempurnaan dari Kaedah Baghdadiyah yang disusun oleh Yang dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Awang Haji Ibrahim. Kaedah ini mula dikenalkan dan diterapkan di sekolah-sekolah ugama pada tahun 1976.

Seperti yang telah dijelaskan, sistem ejaan Kaedah Baghdadiyah dengan Kaedah Yahyawiyah tidak terlalu jauh perbezaannya. Sebagai contoh dalam sistem ejaan Kaedah

Baghdadiyah, mengeja huruf yang bersambung dengan huruf mad seperti dalam kalimah (مُمْ), tanda sukun (mati) disebutkan dalam mengeja "mim wau mati di depan mu'. Manakala dalam sistem ejaan Kaedah Yahyawiyah, tanda sukun (mati) tidak disebut "mim wau di depan mu".

Untuk mencapai usaha peningkatan kemampuan membaca dan menulis huruf al-Qur'an, pelbagai bentuk kegiatan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengajian Islam Kementerian Hal ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, antara lain ialah melaksanakan bimbingan dan kursus-kursus serta bengkel-bengkel pengajaran al-Qur'an bagi guru-guru ugama sekali gus mengadakan seminar-seminar yang tujuannya untuk merumuskan suatu kaedah pengajaran al-Qur'an yang lebih praktikal dan dipercayai berkesan.

Dari hasil seminar yang telah dilaksanakan, Jabatan Pengajian Islam mengambil satu kesimpulan untuk mewujudkan satu kaedah yang praktikal yang sesuai dan selaras dengan mushaf yang telah diwujudkan di Negara Brunei Darussalam yang bentuk tulisannya mengikut kaedah tulisan Rasm Uthmani. Untuk mencapai tujuan yang dimaksudkan, dibentuklah satu jawatankuasa untuk mengkaji sukanan pelajaran al-Qur'an dan menyusun kaedah pengajaran al-Qur'an.

Dalam menyusun kaedah tersebut, pihak penyusun berpandukan kepada beberapa kaedah yang lain iaitu Kaedah Qiraati, Iqra' dan Baghdadiyah. Kaedah ini mulai disusun pada 21 Jun 1993 dan berakhir pada 8 Disember 1993. Atas kesepakatan semua ahli jawatankuasa penyusunan kaedah, maka kaedah yang telah tersusun tersebut diberi nama Kaedah Darussalam.

Penyusunan Kaedah Darussalam disusun dari jilid ke jilid dengan susunan yang tertib dengan pengelompokan topik-topik tertentu serta bertahap. Tahap pertama ialah, mengenal, membaca, menghafal dan menulis huruf hijaiyyah. Setelah itu barulah ke tahap membaca huruf-huruf tunggal yang berbaris di atas, di bawah dan hadapan. Tahap ini terkandung dalam jilid 1. Tahap berikutnya yang terkandung dalam jilid 2 ialah mengenalkan dan membaca huruf-huruf bersambung sama ada berbaris atas, bawah, hadapan.

Tahap selanjutnya iaitu jilid 3 ialah memperkenalkan kalimah-kalimah yang bertanda mati (sukun), baris dua di atas, di bawah dan di hadapan serta potongan ayat-ayat. Tahap berikutnya iaitu jilid 4 ialah memperkenalkan kalimah-kalimah pendek dan panjang dari setiap jenis tanda baris serta memperkenalkan praktik menyebut makhraj huruf. Adapun tahap yang akhir iaitu jilid 5 ialah, memperkenalkan dan membaca kalimah-kalimah pendek dan beberapa surah-surah pendek yang terkandung dalam juz 'amma serta diperkenalkan juga ayat-ayat yang dianggap musykil. Kesemua tahap-tahap tersebut adalah dengan bacaan langsung tanpa dieja. (Jabatan Pengajian Islam Brunei, 1994).

Terdapat kajian mendapati bahawa legasi kaedah pengajaran tertua secara talaqqi dan musyafahah diteruskan sehingga hari ini, namun dalam acuan yang berbeza. Setiap pendekatan yang diperkenal dan diamalkan adalah dengan tujuan yang sama iaitu melatih kemahiran dan kebolehan membaca al-Qur'an dengan cara mudah dan pantas tetapi masih meraikan hukum-hukum tajwid sebagaimana yang diajar oleh Baginda Rasulullah S.A.W (Sharifah, Mohd. Shafiee, Tasnim, Kasimah, Nik Azeah, 2018).

Penggunaan teknologi baru mempunyai implikasi yang diakui mengakibatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan menyumbang kepada kelancaran pendidikan yang melibatkan semua subjek, termasuk pendidikan Islam. Pembinaan dan

pembangunan laman web selaras dengan inovasi pengajaran terkini dapat membantu para guru memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar. (Norliza, 2017).

Manakala kaedah bacaan al-Qur'an yang terdapat di dalam kaedah Neuro Nadi merupakan pendekatan belajar al-Qur'an yang telah diberi nafas baru di samping mengambil kira keperluan pelajar-pelajar masa kini yang lebih menumpukan kepada pembelajaran secara santai dan menyeronokkan. Penyusunan sukatan yang ringkas serta mencakupi keseluruhan panduan belajar membaca al-Qur'an yang disusun di dalam buku yang diguna pakai menonjolkan keistimewaan mempelajari kaedah ini. Lebih menarik lagi, pembelajaran di peringkat asas bacaan al-Qur'an kaedah Neuro Nadi yang menggunakan ‘alat ketuk’ sebagai alat bantu mengajar mampu memaksimumkan lagi penguasaan membaca al-Qur'an dengan cepat dalam kalangan pelajar. (Norsyida, 2014).

Strategi pembelajaran dan pengajaran yang digunakan dalam menyampaikan pengajian al-Qur'an masih menggunakan kaedah yang biasa digunakan iaitu interaksi dua hala di antara penyampai dan penonton (antara guru dan pelajar) melalui televisyen. Kaedah ini dilihat sebagai salah satu kaedah yang efektif dalam pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an. (Monika, Liyana, Nor, Nik, 2014). Kejayaan generasi muda menguasai bacaan al-Qur'an tidak terletak kepada tanggungjawab guru semata-mata. Ibu bapa harus melibatkan diri dalam memberi penekanan pendidikan al-Qur'an terhadap anak-anak mereka. (Mohd. Zainul, 2011).

## **PUSAT PENGAJIAN NADI QURANIC**

Pusat Pengajian Nadi Quranic atau juga dikenali sebagai *Nadi Quranic Learning Centre* (NQLC) yang terletak di Kampung Beribi, Jangsak adalah pusat pengajian yang pertama di Negara Brunei Darussalam yang belajar al-Qur'an dengan menggunakan kaedah mudah belajar iaitu kaedah Neuro Nadi. Guru-guru di pusat pengajian ini adalah berkelulusan dari Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Semua guru telah mendapat tauliah mengajar al-Qur'an dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Pusat ini telah ditubuhkan pada bulan Februari 2016 dan mula beroperasi secara rasmi pada 21 Jun 2016. Pada awalnya, pusat ini hanya mempunyai 4 orang pelajar dan 3 orang guru sahaja. Setelah tiga tahun beroperasi ia berkembang pesat dengan mempunyai 9 buah cawangan di seluruh negara, mempunyai 70 orang guru bertauliah dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan dengan keramaian pelajar hampir mencencah 2000 orang. Pusat ini menawarkan pembelajaran al-Qur'an kepada masyarakat yang berumur 3 tahun sehingga 70 tahun.

Sebanyak 7 buah cawangan dari Daerah Brunei dan Muara iaitu terletak di Kampung Beribi Jangsak, Kampung Beribi Gadong, Kampung Kiulap, Kampung Lambak, Kampung Serusop, Kampung Jerudong dan Kampung Kilanas. Manakala sebuah cawangan di Daerah Tutong dan sebuah lagi di Daerah Belait yang terletak di Kuala Belait.

Pada 16 Jun 2019, pusat pengajian ini dengan kerjasama dua pusat cawangan yang lain iaitu cawangan Kiulap dan cawangan Lambak telah mengadakan majlis konvokesyen buat pelajar-pelajar yang sudah tamat pengajiannya di pusat masing-masing. Seramai 158 orang pelajar menerima sijil dalam majlis tersebut yang terdiri daripada 20 pelajar dari Program Tamhid Neuro Nadi, 31 pelajar dari Program Tajwid Neuro Nadi, 79 pelajar dari Program Talaqqi Al-Qur'an dan 28 pelajar dari Program Hafazan Neuro Nadi.

Pusat Pengajian Nadi Quranic ini juga pernah membuat program di luar pusat mereka seperti Program Kem Hafazan. Selalunya ianya diadakan pada musim cuti sekolah dan dibukakan kepada golongan kanak-kanak. Peserta yang menyertai program ini menghafaz surah tertentu dengan menggunakan kaedah Hafazan Neuro Nadi.

### **ALAT BANTU MENGAJAR KAEDEAH NEURO NADI**

Kaedah Neuro Nadi ini mempunyai keistimewaan tersendiri. Ianya memberikan tumpuan kepada 6 kemahiran asas membaca al-Qur'an iaitu 29 huruf hijaiyyah, tanda baris, tanwin, mad, sukun dan sabdu. Teknik SAS (Struktur, Analisis dan Sintesis) digunakan bagi pengukuhan menguasai 336 bunyi dalam al-Qur'an. Terdapat dua buah buku di dalam pengajian asas membaca al-Qur'an mengikut kaedah Neuro Nadi ini iaitu Tamhid Al Baghdadi dan juga Tajwid Al Baghdadi.

Buku Tamhid Al Baghdadi merupakan bahan kemahiran asas membaca al-Qur'an yang mengandungi 11 bab pembelajaran yang menekankan 6 prinsip asas yang perlu dikuasai untuk membaca al-Qur'an. Asas-asas tersebut ialah keupayaan mengenal dan membaca 29 huruf hijaiyyah dengan baik, kemampuan membaca tanda baris asas bacaan (fathah, kasrah dan dhommah), kemahiran menguasai tanda baris dua bacaan (tanwin), keupayaan mengenal tanda bacaan panjang (mad), kemampuan membaca tanda bacaan mati (sukun) dan kemahiran menguasai tanda bacaan berganda (sabdu).

Manakala buku Tajwid Al Baghdadi merupakan siri pelengkap kepada Tamhid Al Baghdadi dalam siri mudah belajar dan mengajar al-Qur'an Al Baghdadi. Tajwid Al Baghdadi mengandungi 10 bab pembelajaran yang menekankan prinsip asas dan amali dalam pembelajaran dan pengajaran tajwid al-Qur'an. Kemampuan seseorang menguasai ilmu tajwid dan asas bacaan yang baik banyak bergantung kepada bagaimana ia menguasai makhraj-makhraj huruf iaitu tempat keluarnya huruf-huruf hijaiyyah di dalam struktur asas bacaan, menguasai teknik bacaan dan cara menyebut yang jelas dan mudah bagi huruf-huruf yang banyak berubah daripada segi bacaannya apabila bertemu dengan huruf-huruf yang lain di dalam ayat al-Qur'an seperti huruf nun, mim dan sebagainya dan keupayaan menguasai tanda bacaan waqaf iaitu cara berhenti dan menyambung bacaan.

Buku Tajwid Al Baghdadi menumpukan kepada pengenalan asas bacaan dan asas hukum tajwid secara ringkas dan mudah dengan mengelakkan pelajar daripada menghafal teori tajwid yang agak kompleks. Pendekatan asas yang digunakan di dalam buku ini adalah tajwid amali bagi setiap bacaan dan hukum tajwid dengan susunan pembelajaran yang ringkas, penumpuan kepada hukum asas serta ilustrasi yang menarik bagi memudahkan pelajar memahami sesuatu bacaan dan hukum dengan lebih jelas. Teknik-teknik pembelajaran di dalam buku Tamhid Al Baghdadi masih boleh digunakan oleh para pelajar yang masih memerlukan latih tubi tambahan dalam memantapkan bacaan.

Kaedah Neuro Nadi juga adalah satu kaedah sistematik, pendekatan inovatif dan teknik yang menarik iaitu teknik ketukan. Alat ketuk Al Baghdadi terdiri daripada 'Papan Ketuk' dan 'Kayu Ketuk'. Alat ini digunakan bagi membentuk tempo bacaan serta membentuk disiplin bacaan yang tinggi bagi mewujudkan pola bacaan al-Qur'an mengikut intonasi tersusun. Antara kelebihan alat ketuk ini ialah memenuhi keperluan kinestatik anggota khususnya dalam mencapai tahap

kemahiran tinggi logik dan matematik, memenuhi 3 ciri teknik pembelajaran berkesan dengan melibatkan bahan, guru dan pelajar serentak dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, membantu meningkatkan tahap penumpuan kepada proses pembelajaran dengan mengaktifkan otak kiri dan kanan serentak dalam proses pembelajaran dan memenuhi ciri-ciri teori kecerdasan pelbagai (*Multiple Intelligence*) yang diperkenalkan oleh Howard Gardner dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Buku Tamhid Al Baghdadi menerapkan pelbagai teknik pengajaran dan teknik bacaan bagi memberikan kesan yang lebih baik untuk menguasai asas bacaan al-Qur'an dalam tempoh yang singkat. Antara kaedah asas yang digunakan ialah teknik ketukan. Teknik ketukan didapati mampu mendisiplinkan pembaca al-Qur'an bagi menguasai bacaan dengan lebih fasih dan tertib. Terdapat pelbagai teknik yang juga diaplikasikan di dalam buku Tamhid Al Baghdadi ini, antaranya Teknik Bacaan Berirama, Teknik Titian Unta dan Kaedah SAS (Struktur, Analisa dan Sintesis). Alat ketuk yang digunakan dipercayai boleh menarik minat anak-anak secara amnya untuk belajar al-Qur'an dengan cara yang lebih menyeronokkan serta merangsang kreativiti.

Terdapat 4 aspek utama keistimewaan dan kelebihan kaedah ini yang sekali gus memberikan faktor keberkesanan dalam mempelajari asas al-Qur'an iaitu mudah, padat, cepat dan menarik. Kaedah Neuro Nadi merupakan satu kaedah mempelajari asas al-Qur'an yang sangat mudah. Dengan menggunakan pendekatan SAS (Struktur, Analisis dan Sintesis) kita akan dapat menyebut dan menguasai 336 bunyi dengan baik dan tepat. Untuk seseorang itu dapat membaca al-Qur'an dengan sebutan makhraj yang betul, kaedah ini hanya memerlukan sebuah buku yang ringkas tetapi padat. Hanya terdapat 22 muka surat sahaja di dalam buku Tamhid (asas) sudah cukup untuk mempelajari asas al-Qur'an.

## **MODUL PEMBELAJARAN NEURO NADI**

Modul pembelajaran Neuro Nadi di Negara Brunei Darussalam dibahagikan kepada lima tahap. Tahap pertama ialah modul Tamhid Neuro Nadi iaitu pembelajaran asas bacaan al-Qur'an teknik Neuro Nadi. Modul ini amat sesuai bagi mereka yang baru belajar al-Qur'an ataupun mereka yang ingin memantapkan bacaan asas al-Qur'an. Pada tahap ini, pelajar akan menggunakan buku Tamhid Al Baghdadi dan juga alat ketuk. Bagi kanak-kanak yang berumur 6 tahun kebawah, mereka dibekalkan dengan tambahan set buku aktiviti Al Baghdadi.

Modul Tamhid Neuro Nadi ini dibahagikan kepada beberapa kategori ataupun kelas iaitu Tamhid Dewasa, Tamhid Kanak-Kanak, Tamhid Kindergarten (lingkungan umur 3 sehingga 6 tahun) dan juga kelas Tamhid khusus bagi ibu-ibu mengandung. Waktu pembelajaran bagi modul Tamhid ini ialah selama 2 jam setiap 1 sesi dan boleh disempurnakan selama kurang lebih 3 atau 4 bulan bagi kelas dewasa dan kanak-kanak. Manakala bagi kelas Tamhid Kindergarten boleh disempurnakan selama kurang lebih 6 bulan.

Modul tahap kedua ialah Modul Tajwid Neuro Nadi iaitu pembelajaran asas tajwid al-Qur'an teknik Neuro Nadi. Bagi pelajar yang sudah menamatkan modul tahap pertama, mereka bolehlah menyambung modul kedua ini. Bagi mereka yang tidak mengikuti modul pertama dan ingin terus mengikuti modul kedua juga dibolehkan. Pada tahap ini, pelajar menggunakan buku Tajwid Al Baghdadi sebagai panduan belajar. Bagi pelajar yang menyertai modul pertama sebelumnya, mereka masih boleh menggunakan alat ketuk sebagai alat bantu untuk membaca

dengan berdisiplin dan intonasi yang tersusun. Penghalusan bacaan al-Qur'an akan lebih difokuskan dengan bacaan yang betul berpandukan hukum-hukum tajwid yang dipelajari pada tahap ini.

Modul tahap ketiga ialah Modul Pra Talaqqi Neuro Nadi iaitu pembacaan surah-surah pilihan beramai-ramai dengan bimbingan guru. Tahap ini adalah sebagai persediaan dan juga latihan bagi memantapkan bacaan al-Qur'an sebelum mula ke tahap seterusnya iaitu pembacaan al-Qur'an dari juzuk yang pertama. Penggunaan alat ketuk juga kadang kala digunakan pada tahap ini tertakluk kepada pengolahan aktiviti daripada guru masing-masing. Di samping itu, pengulangan hukum-hukum tajwid dari modul kedua masih disentuh dalam tahap ini bagi memantapkan dan mengukuhkan lagi ingatan pelajar terhadap bunyi bacaan yang betul dan tepat.

Tahap keempat adalah Modul Talaqqi Neuro Nadi iaitu pembacaan al-Qur'an 30 juz beramai-ramai dengan bimbingan guru. Penyentuhan ilmu tajwid juga masih dibuat kerana pengulangan amat penting demi menjamin kekekalan minda pelajar. Di samping itu, penyentuhan mengenai cara bacaan-bacaan khusus yang jarang dijumpai di dalam al-Qur'an diterangkan lebih mendalam dan terperinci pada tahap ini seperti bacaan hamzah wasal, nun 'iwad, isymam dan imalah.

Tahap kelima ialah Modul Talaqqi Khas Neuro Nadi iaitu pembacaan al-Qur'an 30 juz berseorangan di hadapan guru. Guru akan mendengarkan, membetulkan dan menghalusi bacaan pelajar yang mengikuti modul ini. Terdapat modul tambahan di pusat ini iaitu Modul Hafazan Neuro Nadi iaitu menghafal surah-surah pilihan secara berkumpulan. Modul ini amat sesuai untuk disertai bagi mereka yang berniat untuk menghafaz al-Qur'an dan yang sudah mahir membaca al-Qur'an. Kaedah Hafazan Neuro Nadi ini menggunakan teknik pengulangan yang berkesan dan pengulangan yang dilakukan kadang kala tidak disedari oleh pelajar itu sendiri. Pelajar juga mampu mengingat apa yang dihafaz secara berturutan, tidak berturutan dan rambang.

## **PENGOLAHAN PEMBELAJARAN KADEAH NEURO NADI**

Dalam pengajaran dan pembelajaran, alat bantu mengajar (ABM) amat membantu guru dalam menjalankan pembelajaran di dalam kelas. Setiap guru mempunyai cara dan teknik masing-masing dalam mengolah pembelajaran dalam waktu yang ditetapkan. Pengkaji berpeluang untuk membuat perhatian di Pusat Pengajian Nadi Quranic dan banyak hasil yang diperoleh pengkaji terutama dari segi pengolahan guru semasa mengendalikan kelas Neuro Nadi.

Bagi guru-guru Neuro Nadi di Negara Brunei Darussalam, mereka diberikan kursus terlebih dahulu sebelum mereka ditugaskan untuk mengajar sesebuah kelas yang menggunakan kaedah Neuro Nadi. Guru-guru Neuro Nadi terlebih dahulu diberikan bayangan dan praktis dalam pembelajaran al-Qur'an menggunakan kaedah Neuro Nadi ini. Kursus ini dilaksanakan supaya guru-guru tahu dan faham akan konsep kaedah Neuro Nadi. Guru-guru bukan sahaja diberikan kursus, malah alat bantu mengajar juga disediakan bagi membantu guru dan juga pelajar dalam sesi pembelajaran.

Dari perhatian pengkaji, penggunaan alat bantu mengajar seperti kad imbas dan juga tayangan slaid agak kerap digunakan sepanjang kelas Neuro Nadi dijalankan. Teknik pergerakan di dalam pembelajaran Tamhid Neuro Nadi juga amat membantu pelajar untuk lebih fokus dan tidak membosankan. Selain menggunakan alat ketuk, ada kala guru juga membuat pergerakan

ringkas sambil membaca. Ini amat berkesan kepada pelajar kanak-kanak khususnya dan ternyata ianya berkesan membuatkan pelajar lebih bersemangat dan mahu meneruskan pembelajaran. Pembelajaran menjadi lebih menarik dan menyeronokkan kerana guru pandai mengolah sesi pembelajaran supaya ianya tidak membosankan.

Teknik "Guru Tidak Tanya Soalan" amat menarik minat pengkaji untuk mengetahui dengan lebih mendalam. Teknik ini memang bersesuaian untuk mengawal psikologi individu tidak kira kanak-kanak ataupun dewasa kerana ada sebahagian individu yang mempunyai sifat takut bertanya guru ataupun takut disoal guru. Apa yang menarik dalam Program Tamhid Neuro Nadi ini, setiap pelajar akan mengulang bacaan yang sama berulang kali tanpa disedari. Ini terjadi bila guru pandai mengolah cara pembelajaran dengan mencontohkan bacaan dahulu, kemudian membaca secara beramai-ramai, kemudian membaca secara berkumpulan dan juga membaca mengikut kategori yang dicipta oleh guru tersebut seperti sesiapa yang memakai baju berwarna biru sahaja yang membaca bacaan yang dicontohkan dan sebagainya.

Dalam kelas Neuro Nadi di pusat ini, guru-guru juga berkongsi tazkirah pendek bagi tujuan muhasabah diri sebelum memulakan pembelajaran bagi pelajar dewasa. Manakala bagi pelajar di kalangan kanak-kanak, mereka diterapkan dengan nilai-nilai murni bagi kegunaan dan faedah dalam kehidupan mereka sehari-hari. Sesi tazkirah ini membantu pelajar terutamanya pelajar dewasa kerana ianya akan menambah semangat pelajar untuk belajar al-Qur'an di samping menambah ilmu pengetahuan mereka yang sedia ada.

## KESIMPULAN

Kaedah Neuro Nadi adalah satu teknik baru yang diolah bagi memudahkan setiap lapisan masyarakat mempelajari asas al-Qur'an. Set Buku Teknik Al-Baghdadi menggunakan sistem Struktur, Analisa dan Sintesis atau dikenali sebagai SAS. Ianya padat dan ringkas serta kreatif melalui penemuan Alat Bantuan Mengajar atau ABM yang dinamakan sebagai alat ketuk. Alat ketuk ini dipercayai boleh menarik minat anak-anak secara amnya untuk belajar al-Qur'an dengan cara yang lebih menyeronokkan serta merangsang kreativiti.

Modul-modul yang ditawarkan di Pusat Pengajian Nadi Quranic amat membantu lapisan masyarakat Brunei dalam pengajian al-Qur'an. Pengolahan pembelajaran al-Qur'an yang dilaksanakan oleh guru-guru Neuro Nadi amat berkesan dari segi penerimaan dan tindak balas pelajar dan pembelajaran tidak membosankan. Belajar al-Qur'an melalui pendekatan kaedah Neuro Nadi ini juga adalah sebagai salah satu usaha dalam mencapai hasrat wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan generasi celik al-Qur'an yang lengkap. Kaedah ini juga merangkumi dua proses utama iaitu pembelajaran dan pengukuhan. Selain itu, pengendalian guru-guru dalam mengolah sesi pembelajaran juga menambah tahap keberkesanan kaedah ini.

Kaedah ini sangat menarik kerana di dalam mempelajarinya, kita akan menggunakan kombinasi pancaindera penglihatan, pendengaran, pertuturan dan kinestatik (pergerakan) dengan menggunakan beberapa peralatan seperti alat ketuk, kad imbasan dan permainan 'Playtime' yang tidak terdapat dalam kaedah-kaedah yang lain. Pembelajaran akan menjadi lebih seronok dengan tambahan alat-alat bantu mengajar yang disediakan.

Oleh kerana bilangan muka suratnya yang sedikit, secara logiknya jika mempelajari kaedah ini sebanyak satu muka surat selama satu hari, maka ia hanya memerlukan 22 hari sahaja untuk

membolehkan seseorang itu dapat membaca al-Qur'an. Jika satu muka surat dapat dikuasai hanya dengan satu jam, maka ia hanya memerlukan 22 jam (kurang dari sehari) sahaja untuk dapat membaca al-Qur'an.

## RUJUKAN

- Azlan Othman. 18 Jun 2019. Minister attends Nadi Quranic Learning Centre Convocation. Borneo Bulletin. Brunei.
- Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman Menteri Hal Ehwal Ugama. Teks Ucapan. (2019) Beribi, Negara Brunei Darussalam.
- Jalaluddin bin Haji Hassanuddin, Qr. (2018). Tamhid Al Baghdadi. Al Baghdadi Method Sdn Bhd. Selangor. Malaysia.
- Sharifah Norsyah Bani Syed Bidin. Mohd Shafiee Hamzah. Tasnim Abd Rahman. Kasimah Kamaruddin. Nik Azeah Nik Azman. (2018). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Al Quran: Kajian Di Masjid UniSZA. Terengganu. Malaysia.
- Jalaluddin bin Haji Hassanuddin, Qr. (2017). Tajwid Al Baghdadi. Al Baghdadi Method Sdn Bhd. Selangor, Malaysia.
- Norliza Hussin. (2017). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Universiti Malaya. Malaysia.
- Monika@Munirah Abd Razzak. Liyana Nadzirah Md Saril. Nor Hizwani Ahmad Thohir. Nik Mohd Zaim Ab Rahim. (2014). Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Melalui Program Televisyen: Kajian di Tv Al-Hijrah. Universiti Malaya. Malaysia.
- Norsyida Md Zin. (2014) Kaedah Bacaan Al-Quran Teknik Iqra' dan Al-Baghdadi Di Kuala Lumpur: Kajian Perbandingan. Universiti Malaya. Malaysia.
- Arif Tri Septiawan. (2012). Pengenalan dan Pembelajaran Cara Membaca AlQuran (Ilmu Tajwid) Berbasis *Mobile* Android. Universitas Muhammadiyah Surakarta. Indonesia.
- Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. (1994). Perkembangan Pelajaran Al Quran Sistem Ejaan Kaedah Baghdadiyah Dan Yahyawiyah Di Negara Brunei Darussalam. Bandar Seri Begawan. Negara Brunei \ Darussalam.
- Al Baghdadi, ALC Bandar Baru Uda, (2016), Belajar Al-Qur'an Teknik Al-Baghdadi. [Online]: <http://mybaghdadi.blogspot.com/2016/05/belajar-al-quran-teknik-al-baghdadi.html> (akses pada 15 Mei, 2020)
- Fakulti Pendidikan UKM, (2013), Kaedah Pengajaran Al-Quran Masa Kini. [Online]: <http://darrulfurqan.blogspot.com/2013/09/kaedah-pengajaran-al-quran-masa-kini.html> (akses pada 15 Mei, 2020)
- Shamsina, (2012), Kaedah Mengajar Al Quran. [Online]: <https://shamsina-gurupendidikanislam.blogspot.com/2012/03/kaedah-mengajar-al-quran.html> (akses pada 15 Mei, 2020)
- Mohd Zainul Arifien, Mohd Jaid, (2011), Kaedah Pengajaran Tilawah dan Hafazan Al Quran. [Online]: <https://www.slideshare.net/mobile/nikazehar/kaedah-dan-teknik-pengajaran-tilawah-al-quran> (akses pada 15 Mei, 2020)
- Engkizar SIQ. SPd.I, (2011), Konsep Pengajaran Dan Pembelajaran Membaca Al-Quran Dalam Pendidikan Islam. [Online]: <https://engkizarquran.wordpress.com/2011/11/05/konsep-pengajaran-dan-pembelajaran-membaca-al-quran-dalam-pendidikan-islam/> (akses pada 15 Mei, 2020)